



"Berdepan kerendah pelajar adalah asam garam sebagai pendidik"
Darwis



"Guru muda berperanan dalam menumpukan perhatian kepada murid generasi kini"
Adzili



"Saya selalu menekankan kepada pelajar untuk aktif dalam kokurikulum"
Wan Harinawati

Curah ilmu tanpa rasa jemu

■ Guru Muda 1Malaysia sanggup korban masa bersama keluarga demi tanggungjawab

Oleh Siti Nor Hidayatidayu Razali, Ardyhansah Amat dan Asrizal Aris
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Menjadi guru bukan sekadar menggalas tanggungjawab mendidik pelajar, malah berperanan lebih besar untuk membentuk jati diri mereka menjadi insan berguna. Ciri lengkap ini yang di mahukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dalam usaha meningkatkan lagi sistem pendidikan negara.

Berpegang kepada prinsip itu, Wan Harinawati Wan Daud, 36, yang juga guru Sekolah Menengah Kebangsaan Jias, Pasir Mas, Kelantan sentiasa berusaha menjadi pendidik terbaik untuk anak bangsa.

Beliau yang juga Guru Muda 1Malaysia (GMIM) berkata, keikhlasan mencurahkan bakti kepada pelajar adalah sangat penting supaya ilmu yang diberi diberkati Allah SWT.

Berkelulusan Ijazah Sarja-

na Muda Pendidikan Sains Biologi dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Wan Harinawati berkata, kejayaan yang diraih pelajar memberi semangat kepadanya untuk terus mencurahkan ilmu tanpa rasa jemu.

Katanya, sepanjang 12 tahun berkhidmat, banyak kenangan manis dirasainya termasuk memperoleh Anugerah Penuh Disiplin Kor Kadet Polis pada 2013 sebagai guru penaung.

"Selain cemerlang dalam akademik, saya selalu menekankan kepada pelajar untuk aktif dalam kokurikulum kerana ia mampu memberi kecergasan mental serta fizikal," katanya.

Malah beliau mengakui sanggup mengorbankan masa bersama keluarga asalkan pelajarinya berjaya dan mengharumkan nama sekolah.

"Selain itu, saya juga sering mendekati pelajar dengan mengambil berat masalah mereka dan memberi inspirasi untuk berjaya," katanya ketika ditemui selepas Majlis Perbarisan Kor Kadet

Polis Ke 45 di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan.

Ibu kepada tiga cahaya mata itu berkata, sebagai pendidik, beliau bertanggungjawab menyumbang khidmat bakti dalam semua bentuk pendidikan sama ada akademik mahupun kokurikulum.

"Saya mahu berbakti kepada semua kerana itu walaupun penat saya akan tetap berusaha," katanya.

Semangat yang sama dipegang Darwis Ambo Sakka, 31, yang meminta dipindahkan ke sekolah jauh daripada kampungnya di

Kampung Pertama Bombalai, Tawau, Sabah selepas menamatkan pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kerana mahu menimba pengalaman.

"Dibesarkan di kampung yang jauh dari pembangunan bandar menyebabkan saya kurang pendedahan mengenai dunia luar.

"Melihat keakraban dan kasih sayang guru dari luar ketika mendidik saya dulu membuatkan saya terpesona dengan kerjaya mulia ini selain menaikkan semangat untuk ke sekolah," katanya.

Guru Kaunseling di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Putatan ini mengakui, sebaik menamatkan perse-

kolahan, dia terus memohon untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang pendidikan di UPSI.

"Bagi saya, berdepan kerendah pelajar adalah asam garam sebagai pendidik dan penat lelah terubat apabila melihat mereka berjaya dalam pelajaran," katanya.

Menjadi antara guru terawal terpilih dalam kumpulan Guru Muda GMIM di Sabah, Darwis berkata, cabaran guru hari ini berbeza dengan masa lalu kerana dunia kini tanpa sempadan.

"Pendedahan pelajar dengan kemudahan akses In-

ternet membolehkan mereka mudah terdedah dengan pelbagai perkara dan maklumat yang boleh mempengaruhi minda.

"Sebagai guru, tugas kami bukan saja menyampaikan ilmu di dalam kelas semata-mata malah perlu melangkaui batas lingkungan sekolah bagi memastikan pelajar kekal fokus terhadap pelajaran," katanya.

Bagi Pengerusi GMIM Perak, Adzili Mohamad Amri, 35, guru Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Panglima Perang Kiri, Tapah, Perak, keputusannya meninggalkan kerjaya sebagai jurutera untuk menjadi pendidik tidak sesekali dikesali.

"Biarlah mereka kehilangan seorang jurutera, tetapi saya mampu melahirkan lebih ramai bakal jurutera pada masa akan datang," kata guru aliran vokasional ini.

Keputusan itu dibuat kerana mahu mendidik pelajar yang kurang cemerlang dalam akademik menjadi pelajar berjaya dalam bidang vokasional.

"Apa yang penting adalah perhatian bagi memastikan mereka merasa ada yang mengambil berat dan membimbing mereka hingga berjaya," katanya yang menerima Anugerah Perkhidmatan Guru Cemerlang peringkat Daerah 2013 dan Anugerah Belia Negeri Perak baru-baru ini.

Menurut Adzili, melalui program dan aktiviti pembelajaran yang kerap diadakan ia mampu menarik minat pelajar dan mempercepatkan proses kefahaman murid.

"Kami sebagai guru muda yang terlatih bukan saja berusaha membimbing murid menjadi lebih efektif, malah berkongsi kemahiran dalam membantu melonjakkan transformasi pendidikan negara.

"Guru muda memainkan peranan dalam menumpukan perhatian kepada murid generasi kini kerana mereka lebih memahami kesesuaian kaedah yang harus digunakan untuk menarik minat pelajar untuk belajar," katanya.

FAKTA
Guru bertanggungjawab bentuk jati diri pelajar jadi insan berguna